

STRES KERJA, PERSONALITI *BIG FIVE*, KEPUASAN KERJA DAN  
PRESTASI KERJA STAF SOKONGAN

ABDAH ISHAK

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Doktor Falsafah (Pengurusan)

Sekolah Perniagaan Antrabangsa Azman Hashim  
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2019

## **DEDIKASI**

Untuk ibu bapa dan ahli keluarga yang tersayang

## **PENGHARGAAN**

Secara khususnya, saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia tesis saya, Dr. Mastura Mahfar bagi galakan, bimbingan, komen yang membina dan nasihat yang diberikan ke arah pemahaman saya semasa menyediakan tesis ini. Tanpa sokongan berterusan dan berfaedah, tesis ini tidak akan dapat dihasilkan seperti ini. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada kakak tersayang saya Kasmah Ishak yang banyak memberi sokongan yang jitu dan keperihatinan yang tinggi ke arah usaha pembelajaran saya. Tidak ketinggalan juga kepada semua rakan-rakan saya yang telah banyak menyumbang, memberi pemikiran, menyediakan bantuan, pandangan dan tips berguna samada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan penyelidikan ini. Jasa mereka semua akan sentiasa tersemat di hati dan menjadi kenangan hingga ke akhir hayat.

## ABSTRAK

Kebanyakan kajian lepas telah menunjukkan bahawa kepuasan kerja dalam organisasi boleh mempengaruhi pembuatan keputusan, tingkah laku, semangat, komitmen dan produktiviti pekerja. Di samping itu, prestasi kerja juga menjadi isu utama dan kritikal yang sering kali ditekankan dalam pengurusan organisasi kerana ia turut memberikan sumbangan untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan stres kerja dengan kepuasan pekerja dan prestasi kerja, terutamanya dalam kalangan staf sokongan adalah terhad. Justeru, kajian ini memperluaskan perbincangan dengan mengkaji dimensi kepuasan kerja, iaitu intrinsik dan ekstrinsik terhadap dimensi prestasi kerja, iaitu tugas dan kontekstual. Faktor stres kerja yang terdiri daripada faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, struktur atau iklim organisasi dan pengantara rumah-kerja dikaji sebagai peramal kajian. Di samping itu, kajian ini menguji kesan mediator Personaliti *Big Five* dalam hubungan antara stres kerja dengan kepuasan kerja dan prestasi kerja. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif menggunakan borang soal selidik bagi pengumpulan data dan melibatkan seramai 274 orang staf sokongan di UTM, kampus Johor melalui teknik persampelan rawak berstrata. Data kajian telah dianalisis menggunakan Permodelan Persamaan Struktural melalui perisian SEM SmartPLS 3.2.7. Secara keseluruhan, keputusan menunjukkan stres kerja adalah peramal yang signifikan terhadap Personaliti *Big Five*, kepuasan kerja dan prestasi kerja. Hasil kajian juga mengesahkan bahawa kepuasan kerja dan prestasi kerja dipengaruhi oleh Personaliti *Big Five*. Dimensi *conscientiousness* dan *agreeableness* dalam Personaliti *Big Five* adalah mediator yang signifikan ke atas hubungan antara kepuasan kerja dan prestasi kerja. Secara teori, kajian ini telah memperluaskan Teori Pertukaran Sosial dan aplikasinya terhadap staf sokongan. Penemuan ini dapat membantu pengurusan sumber manusia memahami bagaimana stres kerja dan Personaliti *Big Five* mempengaruhi kepuasan kerja dan prestasi kerja staf sokongan di UTM. Kajian ini mencadangkan pengembangan model Teori Pertukaran Sosial dalam penyelidikan kepuasan kerja dan prestasi kerja dengan mengaplikasikan kepelbagaian pengukuran pembolehubah yang lain.

## ABSTRACT

Previous studies had shown that job satisfaction in organization can affect employee decision making, behaviour, enthusiasm, commitment and productivity. In addition, job performance is also a key and critical issue that is often emphasized in organizational management as it also contributes to organizations' goal. However, studies on job stress with job satisfaction and job performance especially among support staffs are limited. Hence, this study extended the discussion by examining job satisfaction dimensions namely intrinsic and extrinsic, towards job performance dimensions namely task and contextual. Job stress factors which consisted of intrinsic factors to the job, management role, work relationship with others, career and achievement, organizational structure or climate and home-work interface were examined as predictors of the study. In addition, this study examined the mediating effect of Big Five Personality on the relationship between job stress with job satisfaction and job performance. This study was conducted quantitatively using questionnaires for data collection and involved 274 support staffs from UTM, Johor campus through stratified random sampling technique. The data were analysed using Structural Equation Modeling via SEM SmartPLS 3.2.7. Overall, the results suggested that job stress is a significant predictor of Big Five Personality, job satisfaction and job performance. The results also confirmed that job satisfaction and job performance are influenced by the Big Five Personality. Meanwhile, the dimensions of conscientiousness and agreeableness in the Big Five personality were found to be significant mediators on the relationship between job satisfaction and job performance. Theoretically, this study extends Social Exchange Theory and its application to support staff. The findings help human resource practitioners to understand how job stress and Big Five Personality influence job satisfaction and performance of support staff at UTM. The study recommends the expansion of Social Exchange Theory model in job satisfaction and job performance research by applying multiple measures of other variables.

## SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan Bab	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Persoalan Kajian	16
	1.5 Objektif Kajian	17
	1.6 Signifikan Kajian	18
	1.7 Skop Kajian	20
	1.8 Batasan Kajian	21
	1.9 Definisi Konseptual & Operasional	22
	1.9.1 Stres Kerja	22
	1.9.2 Personaliti Big Five	24

1.9.3	Kepuasan Kerja	25
1.9.4	Prestasi Kerja	25
1.10	Rumusan	27
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>29</b>
2.1	Pengenalan	29
2.2	Latarbelakang	29
2.3	Kepuasan Kerja	33
2.3.1	Teori Kepuasan Kerja	36
2.3.1.1	Teori Hierarki Maslow	37
2.3.1.2	Teori ERG	39
2.3.1.3	Teori Herzberg	41
2.3.1.4	Justifikasi Pemilihan Teori Herzberg Bagi Menerangkan Pembolehubah Kepuasan Kerja	43
2.3.2	Dimensi Kepuasan Kerja	47
2.4	Prestasi Kerja	48
2.4.1	Teori Prestasi Kerja	51
2.4.1.1	Teori Penetapan Matlamat	51
2.4.1.2	Model Campbell	53
2.4.1.3	Model Lanjutan Porter dan Lawler	54
2.4.1.4	Justifikasi Pemilihan Model Campbell Bagi Menerangkan Pembolehubah Prestasi Kerja	55
2.4.2	Dimensi Prestasi Kerja	56
2.5	Stres Kerja	58
2.5.1	Model Stres Kerja	62
2.5.1.1	Model Stres Interaktif	62
2.5.1.2	Model Stres Kerja Palmer dan Cooper 2001	63
2.5.1.3	Model Stres Multimodal-Transaksi	68

2.5.1.4	Justifikasi Pemilihan Model Stres Kerja Palmer dan Cooper 2001 Bagi Menerangkan Pembolehubah Stres Kerja	70
2.5.2	Dimensi Stres Kerja	71
2.6	Personaliti Big Five	73
2.6.1	Teori Personaliti	75
2.6.1.1	Teori Tret	76
2.6.1.2	Teori Faktor	77
2.6.1.3	Model Personaliti Big Five	78
2.6.1.4	Justifikasi Pemilihan Teori Personaliti Big Five Bagi Menerangkan Pembolehubah Personaliti	81
2.6.2	Dimensi Personaliti Big Five	84
2.7	Teori Asas Kajian	86
2.8	Kajian-kajian Lepas dan Pembinaan Hipotesis	88
2.8.1	Hubungan Stres Kerja dengan Kepuasan Kerja	88
2.8.2	Hubungan Stres Kerja dengan Prestasi Kerja	94
2.8.3	Hubungan Stres Kerja dengan Personaliti Big Five	97
2.8.4	Hubungan Personaliti Big Five dengan Kepuasan Kerja	104
2.8.5	Hubungan Personaliti Big Five dengan Prestasi Kerja	112
2.8.6	Pengaruh Mediator Personaliti Big Five	118
2.9	Model Konseptual Kajian	134
2.10	Rumusan	135
<b>BAB 3</b>	<b>KAEDAH METODOLOGI</b>	<b>137</b>
3.1	Pengenalan	137
3.2	Reka bentuk Kajian	137
3.3	Persampelan Kajian	139
3.4	Pengumpulan Data	145



3.5	Intrumen Kajian	146
3.5.1	Bahagian A: Pengukuran Demografi Responden	147
3.5.2	Bahagian B: Pengukuran Dimensi Personaliti Big Five	147
3.5.3	Bahagian C: Pengukuran Dimensi Kepuasan Kerja	149
3.5.4	Bahagian D: Pengukuran Dimensi Prestasi Kerja	150
3.5.5	Bahagian E: Pengukuran Dimensi Stres Kerja	151
3.6	Terjemahan Instrumen	153
3.7	Kajian Rintis	153
3.7.1	Keputusan Kajian Rintis	155
3.8	Analisis Data	156
3.8.1	Penyediaan Data	156
3.8.2	Analisis Faktor Pengesahan (CFA)	157
3.8.3	Analisis Deskriptif	157
3.8.4	Analisis Multivariat	158
3.9	Rumusan Analisis Data Berdasarkan Objektif Kajian	159
3.10	Prosedur Kajian	161
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN</b>	<b>163</b>
4.1	Pengenalan	163
4.2	Prosedur Pemeriksaan Data	163
4.3	Andaian Multivariat	166
4.3.1	Normaliti	166
4.3.2	Multikolineariti	171
4.4	Analisis Deskriptif ke atas Demografi Responden	172
4.5	Analisis Psikometrik	173
4.6	Analisis Pengukuran Model	175
4.6.1	Kebolehpercayaan Item Individu	175

serta memperlihatkan sikap paling dominan dalam lima dimensi tersebut (Thomas, 2010). Lima dimensi utama Model Personaliti *Big Five* dikenali dengan nama singkatannya iaitu OCEAN (*openness to experience, conscientiousness, extraversion, agreeableness, neuroticism*) di mana setiap dimensi tersebut merujuk kepada aspek personaliti individu, corak konsisten pemikiran, emosi, sikap individu, interaksi dan komunikasi individu yang mempunyai kaitan dengan tindak balas ke atas peristiwa dan keadaan kerja (Gellatly & Irving, 2001; Murray *et al*, 2005; Hui-Fang, 2007).

Selain itu, dimensi Personaliti *Big Five* juga mempunyai konstruk yang sangat berguna bagi menerangkan, meramalkan tingkah laku dan menentukan prestasi kerja pekerja dalam sesebuah organisasi (Echchakoui, 2013). Seseorang individu itu berupaya meningkatkan prestasi kerja jika melakukan pekerjaan yang sesuai dengan ciri-ciri personaliti mereka (Deniz *et al*, 2007). Dapatan kajian oleh Chia *et al*, (2013) dan Cheng-Liang (2014) telah membuktikan bahawa dimensi *openness to experience* dan *conscientiousness* merupakan peramal sah terhadap prestasi kerja yang lebih baik. Ini turut disokong oleh Bilal *et al*, (2011) dan Jonathan & Bennett (2013).

Di samping itu, dimensi Personaliti *Big Five* mempunyai pengaruh terhadap stres kerja kerana ia memberi kesan penting terhadap cara seseorang mengawal stres. Misalnya, individu yang memiliki sifat kompetitif boleh mengawal stres dengan baik berbanding individu yang bersifat agresif, pemarah atau rasa tidak berpuas hati (Hattice & Selma, 2011) dan individu yang melaksanakan kerja yang sama mungkin menunjukkan reaksi yang berlainan kerana sifat personaliti yang berbeza (Aoife, 2013; Katyal *et al*, 2011). Kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa dimensi-dimensi Personaliti *Big Five* mempengaruhi stres kerja seperti dilakukan kajian oleh Shirish *et al*, (2015) dan Subburaj *et al*, (2012) yang menunjukkan bahawa pekerja yang memiliki dimensi *openness to experience* berkebolehan dalam menangani stres kerja dengan lebih efektif.

Hasil kajian oleh Weipeng *et al*, (2015) pula mendapati pekerja yang mempunyai dimensi *conscientiousness* lebih komited dalam pekerjaan dan

merupakan peramal lemah kepada stres kerja. Menurut Asmawati *et al*, (2014), pekerja yang mempunyai dimensi *extraversion* mempunyai hubungan negatif dengan stres kerja. Sementara itu, dimensi *agreeableness* yang memperlihatkan individu lebih mudah mencapai kesepakatan dalam kerja berpasukan telah membantu menghadapi stres kerja dengan lebih baik (Aoife, 2013). Manakala, individu yang mempunyai dimensi *neuroticism* lebih memberi fokus kepada aspek-aspek negatif seperti rasa cemas, murung, kurang keyakinan dan akan cenderung mengalami stres kerja. Ini juga telah dibuktikan dalam hasil kajian oleh Asmawati *et al*, (2014), Aoife (2013), Thomas *et al*, (2013), Hattice & Selma (2011), Ho (2007) dan Newburry-Birch *et al*, (2001).

Dalam kajian ini, Personaliti *Big Five* telah dipilih sebagai mediator antara hubungan stres kerja dengan kepuasan kerja dan prestasi kerja. Ini adalah kerana kajian-kajian lepas telah mendapati bahawa Personaliti *Big Five* merupakan peramal penting yang menyumbang kepada kepuasan kerja dan prestasi kerja (Vivian, 2005; Cohrs *et al*, 2006 ; Michael *et al*, 2006; Azizi *et al*, 2011; Byunghwa *et al*, 2011; Klaus, 2012; Chia *et al*, 2013 dan Cheng-Liang, 2014. Namun begitu, perbezaan ketara yang didapati dalam kajian-kajian lepas tersebut adalah sehingga kini kajian masih belum menemui bahawa Personaliti *Big Five* sebagai mediator terhadap hubungan antara stres kerja dengan kepuasan kerja dan prestasi kerja. Oleh itu, ia merupakan satu keperluan untuk mengkaji sama ada Personaliti *Big Five* sebagai mediator yang menyumbang terhadap hubungan antara stres kerja dengan kepuasan kerja dan prestasi kerja. Sekiranya hubungan antara setiap pembolehubah tersebut boleh diperjelaskan melalui kajian ini, maka pihak pengurusan diharapkan boleh memainkan peranan secara aktif dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan kepuasan kerja dan prestasi kerja dalam kalangan pekerja. khususnya staf sokongan di UTM.

Secara ringkasnya, latar belakang kajian ini telah membincangkan tentang pembolehubah-pembolehubah kajian yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu Personaliti *Big Five*, kepuasan kerja, prestasi kerja dan stres kerja khususnya dan organisasi amnya. Pembolehubah-pembolehubah tersebut perlu diterokai secara lebih mendalam berdasarkan justifikasi yang dikemukakan di atas di mana ia memberi kesan dan berpengaruh ke atas pengurusan organisasi pada masa hadapan. Oleh itu,

pengkaji mengambil satu inisiatif untuk meneroka hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Dari sudut perspektif di Malaysia, kajian yang berkaitan dengan kepuasan kerja dan prestasi kerja sering kali memberi tumpuan terhadap individu dan organisasi. Walau bagaimanapun, kepuasan kerja dan prestasi kerja perlu diberi keutamaan di universiti awam untuk meningkatkan pencapaian dalam organisasi. Peningkatan dalam kepuasan kerja dan prestasi kerja akan menyumbang kepada perkhidmatan yang lebih baik dan bertaraf dunia (Jusuf, 2012; Oyewumi *et al*, 2012; Edward & Teoh, 2009). Universiti awam yang berorientasikan bukan keuntungan memerlukan pekerja yang mempunyai sikap dan tingkah laku positif bagi memperbaiki fungsi keseluruhan organisasi (Chang *et al*, 2010; Michael, 2010). Oleh kerana pekerja di universiti awam memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan sesebuah organisasi maka perhatian serius perlu diberikan untuk memastikan mereka menunjukkan sikap dan tingkah laku yang positif (Homa *et al*, 2014).

Sejak akhir ini, banyak berlakunya pengurangan produktiviti dalam pekerjaan (Sheikh Muhamad Hizam *et al*, 2011). Pentadbiran universiti awam yang semakin kompleks akibat jangkaan tinggi dan kekangan kewangan telah mengalami masalah dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber manusia dan kecekapannya (Ahmad Shukri *et al*, 2007). Zaini Ujang (2011) menekankan bahawa Petunjuk Penting Amal (KAI) yang dikaitkan dengan pencapaian pekerja perlu dipertingkatkan. Sebagai satu usaha untuk memperbaiki keberkesanan pengurusan menjadi lebih efektif adalah dengan mengkaji berterusan beberapa dimensi kepuasan kerja dan prestasi kerja. Ini adalah selaras dengan agenda transformasi negara dalam Pelan Strategik Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bagi tempoh 2011-2015 yang menuntut perubahan drastik skop kerja pekerja supaya dapat bersaing dengan perkembangan semasa dan globalisasi (Kuo, 2009).

Menurut Zainudin *et al*, (2010) dan Aida *et al*, (2015), kajian berterusan ke atas kepuasan kerja merupakan isu yang semakin popular dikaji di Malaysia kerana merupakan faktor penting mengekalkan semangat yang tinggi dalam pekerjaan di samping memberi manfaat besar bagi mencapai sasaran sesebuah organisasi (Thomas *et al*, 2009; Liatul & Noor, 2011). Pekerja yang mencapai kepuasan kerja yang tinggi akan memberi tumpuan penuh kepada tugas tanpa rasa terganggu dengan persekitaran negatif (Allison, 2009). Kajian di Fakulti Pendidikan, UTM, kampus Johor telah menunjukkan bahawa kepuasan kerja pekerja hanya berada pada tahap sederhana terhadap sistem pengurusan serta dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain seperti rakan sekerja, pelajar, ketua bahagian, gaji, insentif, pengurusan, beban kerja, akademik, bilik kuliah dan bengkel (Zainab & Hamdan, 2010; Siti Fatimah & Sarimah, 2008; Faridatul, 2008).

Sementara itu, laporan Pejabat Hal Ehwal Pelajar di UTM, kampus Johor pula telah menunjukkan bahawa tahap kepuasan kerja staf sokongan semakin menurun daripada 65.1 peratus kepada 53.8 peratus antara tahun 2011 hingga 2014. Penemuan ini terhad kepada dua lokasi di Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Fakulti Pendidikan, UTM kampus Johor dan ini telah menggesa penyelidik untuk terus meneroka isu berkaitan kepuasan kerja di samping mengisi jurang kajian dengan melaksanakan kajian di pejabat-pejabat pentadbiran di UTM.

Di samping itu, kajian berterusan ke atas prestasi kerja juga dapat membantu membina pemahaman bagaimana elemen ini boleh menyumbang ke arah matlamat organisasi. Faktor-faktor seperti perkembangan pesat, pertumbuhan globalisasi, permintaan teknologi baru dan transformasi dalam universiti awam ke arah meningkatkan taraf antarabangsa telah mengakibatkan tindak balas ke atas perubahan keadaan kerja dan mempengaruhi prestasi kerja pekerja (Anwar Khan, 2014). Ini turut dialami oleh pekerja di UTM yang terdiri daripada staf akademik, pengurusan dan sokongan di mana antara tahun 2015 hingga bulan Jun 2016, tahap prestasi kerja tahunan (Key Amal Indicator) telah menunjukkan aras pencapaian kurang 60 peratus meningkat daripada 18.42% kepada 56.67% (Wahid Omar, 2016). Berdasarkan

Pekeliling JPA Bilangan 7/2015 penjawat awam yang memperolehi markah di bawah aras pencapaian 60 peratus ini dikira berprestasi rendah.

Pada tahun 2014, Unit Kaunseling, UTM telah mengadakan program kaunseling ke atas staf kumpulan pelaksana berprestasi sederhana dan rendah seramai 26 orang (Nor Faizan, 2016). Sementara itu, dalam Program Menatar Diri, Membina Potensi pada tahun 2016 juga telah menunjukkan seramai 35 orang staf sokongan mempunyai prestasi 70% dan ke bawah (Unit Kaunseling, UTM). Laporan Pejabat Pendaftar UTM pada tahun 2017 telah menunjukkan statistik pelaksanaan Dasar Pemisahan staf sokongan bermasalah adalah seramai 6 orang sahaja. Walaupun data tersebut telah menunjukkan bilangan pekerja bermasalah terlibat adalah kecil, namun begitu faktor-faktor yang mempengaruhi penurunan prestasi kerja di UTM masih kurang dilaksanakan terutama yang memfokus ke atas isu dimensi prestasi kerja (tugasan dan kontekstual) yang boleh meningkatkan kualiti perkhidmatan, kecekapan dan keberkesanan kerja pekerja. Ini disokong oleh Rahimah (2011) dalam kajiannya ke atas 326 staf sokongan di UTM bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kompetensi komunikasi antara budaya dengan prestasi kerja. Beliau telah mendapati aspek persekitaran dalaman universiti berpengaruh dalam meningkatkan pengurusan yang berkesan dan cekap.

Sementara itu, kajian tentang stres kerja sering mendapat perhatian yang meluas secara teoritikal dan empirikal berasaskan Costa dan McCrae (1992; 2004). Stres kerja merupakan salah satu faktor paling penting yang mempengaruhi keberkesanan organisasi secara relatif pada kos rendah dan tidak didorong oleh ganjaran rasmi (Cecil, 2010). Malahan, kajian stres kerja masih berterusan dikaji sehingga kini dan didapati secara konsisten mempunyai hubungan yang positif dengan kepuasan kerja (Moyosola & Abel, 2014; Simin *et al*, 2013; Saba *et al*, 2013; Piar & Hemange, 2012; Muhammad *et al*, 2011; Nor Liyana & Mansor, 2009; Jie & Vickie, 2008) dan prestasi kerja (Weipeng *et al*, 2015). Kajian di Malaysia telah mengenal pasti bahawa pekerja yang mengalami emosi negatif telah mengalami stres kerja dan keadaan ini telah memberi kesan negatif terhadap organisasi serta hasil kerja individu (Azizi *et al*, 2011; Hanafiah & Normah, 2007).

Berdasarkan kajian oleh Maizura *et al*, (2010) ke atas penjawat awam telah menunjukkan bahawa 21% pekerja mengalami stres kerja. Ini telah menjadi kebimbangan yang semakin meningkat di negara membangun seperti Malaysia. Menurut Anwar Khan (2014), fenomena ini juga dialami di peringkat universiti di mana masalah dalaman telah mencetuskan berlaku stres kerja. Ini terbukti dalam kajian oleh Denise *et al*, (2018) ke atas pekerja universiti di Brazil yang menunjukkan bahawa 39.7% pekerja membentuk sikap negatif terhadap pekerjaan. Selain itu, faktor-faktor lain yang dipercayai turut menyumbang ke arah peningkatan stres kerja di universiti ialah permintaan yang semakin meningkat, perkembangan teknologi, perkhidmatan berkualiti tinggi (Amanda *et al*, 2012), pengurangan dana dan penstrukturan semula organisasi (Gideon & Nicola, 2005), keperluan untuk mencapai taraf antarabangsa serta beban kerja yang berlebihan (Muhammad Rizwan & Arooba, 2014).

Kajian lepas berkaitan stres kerja di universiti lebih memfokuskan kepada faktor emosi dan reaksi individu terhadap persekitaran kerja (Ho, 2007; Constatinos, 2007; Katyal *et al*, 2011; Hattice & Selma, 2011; Aoife, 2013; Asmawati *et al*, 2014; Weipeng *et al*, 2015) gejala kegelisahan, kemurungan dan masalah kesihatan yang lain (Anwar Khan, 2014; Amanda *et al*, 2012; Azman *et al*, 2009; Gideon & Nicola, 2005). Namun begitu, masih kurang kajian ditumpukan ke atas faktor-faktor stres kerja yang terdiri daripada faktor intrinsik, pembangunan kerjaya, peranan pengurusan, faktor organisasi, hubungan kerja dengan orang lain dan antara kerja rumah berdasarkan Cooper *et al*, (1988). Oleh itu, kajian ini telah memenuhi jurang kajian dengan mengkaji bagaimana stres kerja dapat mempengaruhi kepuasan kerja dan prestasi kerja di UTM.

Berdasarkan Teori Pertukaran Sosial, seseorang akan memaksimumkan manfaat dengan memikirkan potensi manfaat dan meminimumkan kos atau risiko hubungan. Ini boleh diandaikan bahawa pekerja akan meningkatkan kepuasan kerja dan prestasi kerja apabila mereka mempunyai stres kerja yang rendah. Kajian lepas telah dilaksanakan ke atas hubungan stres kerja dengan kepuasan kerja dan prestasi kerja dalam kalangan pekerja pentadbiran (Aoife, 2013; Hattice & Selma, 2011).

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian lepas tertumpu pada hubungan stres kerja sebagai mekanisma dengan faktor penyebab negatif dari hasil organisasi (Anwar Khan, 2014), hubungan ciri-ciri kerja dengan kesihatan psikologi pekerja (Alessia & Fred, 2003), peranan personaliti terhadap stres dan kepuasan kerja (Aoife, 2013), antara stres dan prestasi kerja (Siu et al, 2013), antara personaliti *Type A* dengan stres kerja dan kepuasan kerja (Hattice & Selma, 2011; Aoife, 2013). Keunikan kajian ini telah dijalankan dengan memberi fokus kepada kesan enam dimensi stres kerja (faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, struktur atau iklim organisasi dan pengantara rumah-kerja) yang merupakan sumbangan kajian. Tambahan pula, kajian ini juga akan mengesahkan hubungan antara enam dimensi stres kerja dengan dua dimensi kepuasan kerja dan dua dimensi prestasi kerja dengan lebih terperinci.

Sementara itu, kajian lepas telah membuktikan bahawa personaliti individu mempunyai perkaitan dengan kepuasan kerja dan prestasi kerja dalam menentukan corak tingkah laku bekerja dan memberi kesan psikologi dalam membangunkan strategi pengurusan organisasi yang efektif (Chang *et al*, 2010; Michael, 2010; Homa *et al*, 2014). Kajian lepas yang telah dijalankan di Malaysia dan Barat menunjukkan terdapat hubungan positif antara dimensi Personaliti *Big Five* dengan kepuasan kerja (Weipeng *et al*, 2015; Asmawati *et al*, 2014; Aoife, 2013; Thomas *et al*, 2013; Subburaj *et al*, 2012; Katyal *et al*, 2011; Hattice & Selma, 2011; Lorraine *et al*, 2010; Ho, 2007; Constatinos, 2007; Newbury-Birch *et al*, 2001) dan prestasi kerja (Moyosola & Abel, 2014; Simin *et al*, 2013; Saba *et al*, 2013; Piar & Hemange, 2012; Muhammad *et al*, 2011; Nor Liyana & Mansor, 2009; Jie & Vickie, 2008; Weipeng *et al*, 2015) secara individu dan organisasi.

Kebanyakan kajian lepas telah melaporkan penemuan yang tidak konsisten dengan keputusan yang berbeza, lebih tertumpu kepada pekerja di sektor swasta sebagai sampel kajian dan mengkaji hubungan antara Personaliti *Big Five* dengan kepuasan kerja dan prestasi kerja individu secara berasingan. Oleh itu, kajian ini akan melihat pengaruh langsung Personaliti *Big Five* ke atas kedua-dua pembolehubah tersebut yang dikaji secara serentak. Ini adalah bermanfaat untuk memahami dengan lebih mendalam sikap dan tingkah laku kerja ke arah pembuatan



keputusan organisasi (Deniz *et al*, 2007; Christopher *et al*, 2014), mengenal pasti dimensi Personaliti *Big Five* yang paling dominan dalam mempengaruhi prestasi kerja (Shirish *et al*, 2015) serta boleh menjelaskan bagaimana dimensi Personaliti *Big Five* yang berbeza antara seseorang individu dengan yang lain akan memberi kesan terhadap kepuasan kerja (Ionnis, 2003; Thomas *et al*, 2009). Tambahan pula, masih kurang kajian diterokai dalam pelbagai jenis pekerjaan (Jonathan & Bennett, 2015).

Selain daripada mencadangkan stres kerja sebagai peramal kepada kepuasan kerja dan prestasi kerja, Personaliti *Big Five* juga telah diperkenalkan sebagai pembolehubah mediator dalam hubungan antara stres kerja dengan kepuasan kerja dan prestasi kerja dalam kajian ini. Personaliti *Big Five* yang berfungsi sebagai pembolehubah mediator ditakrifkan sebagai ciri-ciri positif individu yang mempunyai interaksi dinamik antara individu dan persekitaran kerja (Anh *et al*, 2003; Einar *et al*, 2014) serta mempengaruhi hubungan antara stres kerja dengan tekanan psikologi dan prestasi kerja dalam meningkatkan pencapaian organisasi (Weipeng *et al*, 2015).

Terdapat bukti yang telah menunjukkan bahawa Personaliti *Big Five* mempunyai korelasi dengan stres kerja (Constatinos, 2007; Newbury-Birch *et al*, 2001; Ho, 2007; Lorraine *et al*, 2010; Katyal *et al*, 2011; Hattice & Selma, 2011; Subburaj *et al*, 2012; Aoife, 2013; Thomas *et al*, 2013; Weipeng *et al*, 2015; Shirish *et al*, 2015; Asmawati *et al*, 2014) dan seterusnya memberi kesan kepada kepuasan kerja (Weipeng *et al*, 2015; Asmawati *et al*, 2014; Aoife, 2013; Thomas *et al*, 2013; Subburaj *et al*, 2012; Katyal *et al*, 2011; Hattice & Selma, 2011; Lorraine *et al*, 2010; Ho, 2007; Constatinos, 2007; Newbury-Birch *et al*, 2001) dan prestasi kerja (Moyosola & Abel, 2014; Simin *et al*, 2013; Saba *et al*, 2013; Piar & Hemange, 2012; Muhammad *et al*, 2011; Nor Liyana & Mansor, 2009; Jie & Vickie, 2008; Weipeng *et al*, 2015). Oleh itu, pekerja yang mempunyai personaliti yang positif dan faktor-faktor stres kerja yang terkawal lebih cenderung untuk mengalami kepuasan kerja dan prestasi kerja yang tinggi di tempat kerja.

Penyelidik-penyelidik seperti Chang *et al*, (2010), Michael (2010) dan Homa *et al*, (2014) telah menyatakan bahawa pekerja yang memiliki personaliti yang positif berupaya meningkatkan kepuasan kerja dan prestasi kerja. Kajian lepas juga telah menunjukkan pembolehubah mediator yang lain antara stres kerja dengan kepuasan kerja dan prestasi kerja (Lijing Wang *et al*, 2017). Oleh itu, kajian ini telah memberi sumbangan dengan mengintegrasikan kesan lima dimensi Personaliti *Big Five* (*openness to experience, conscientiousness, extraversion, agreeableness* dan *neuroticism*) sebagai pembolehubah mediator antara enam dimensi stres kerja (faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, struktur atau iklim organisasi dan pengantara rumah-kerja) dan dua dimensi kepuasan kerja (intrinsik dan ekstrinsik) dan dua dimensi prestasi kerja (tugasan dan kontekstual).

Secara keseluruhan, dalam usaha menerokai kajian ke atas kepuasan kerja dan prestasi kerja, peranan staf sokongan perlu diberi perhatian. Staf sokongan memainkan peranan utama dalam sesebuah organisasi dan berfungsi secara konsisten bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti dalam memenuhi jangkaan pelanggan untuk mencapai objektif organisasi (Ahmad Shukri *et al*, 2007). Malahan Hui-Fang (2007) dan Gary *et al*, (2011) turut mencadangkan agar kajian dilakukan ke atas pelbagai jawatan dalam populasi semasa dan konteks organisasi yang berbeza. Kebanyakan kajian lepas oleh Azizi *et al*, (2011), Muhammad Awais *et al*, (2014), Che Mohd Syaruddin *et al*, (2017) dan Fadzilah *et al*, (2010) telah memfokuskan kepada pelbagai bidang pekerjaan seperti ekspatriat, pekerja hotel, pensyarah, guru dan di Malaysia. Namun begitu, masih kekurangan kajian dijalankan ke atas staf sokongan di universiti awam.

Kajian Ahmad Shukri *et al*, (2007) ke atas staf sokongan di UTM telah mendapati mereka memainkan peranan penting membantu keberkesanan pengurusan dalam aktiviti harian. Maka, pengkaji mendapati satu keperluan untuk memenuhi jurang kajian dengan membantu pihak pengurusan UTM dalam memahami isu-isu berkaitan kepuasan kerja dan prestasi kerja dalam kalangan staf sokongan. Pengkaji juga telah merujuk kepentingan jurang kajian melalui *Web of Science* secara *online* antara tahun 1998 hingga 2017 bagi pembolehubah-pembolehubah kajian semasa.

Berdasarkan justifikasi ini telah mendorong pengkaji untuk memberi fokus kajian kepada staf sokongan di UTM, khususnya kampus Johor kerana kebanyakan pembuatan keputusan penting dilaksanakan di kampus induk di Johor.

Malahan, masih kekurangan kajian dalam membincangkan mengenai dimensi kepuasan kerja (intrinsik dan ekstrinsik) dan dimensi prestasi kerja (tugasan dan kontekstual) yang dijalankan secara serentak dalam kalangan staf sokongan di UTM. Oleh itu, kajian ini telah menambah pengetahuan serta memperkukuh pemahaman dengan meneroka isu dan menyediakan kajian komprehensif dalam memberi tumpuan kepada dua dimensi kepuasan kerja (intrinsik dan ekstrinsik) dan dua dimensi prestasi kerja (tugasan dan kontekstual) sebagai hasil kajian. Di samping itu, kajian ini boleh menjelaskan kesan enam dimensi stres kerja (faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, struktur atau iklim organisasi dan pengantara rumah-kerja) sebagai peramal dan lima dimensi Personaliti *Big Five* (*openness to experience, conscientiousness, extraversion, agreeableness* dan *neuroticism*) sebagai pembolehubah mediator.

Kesimpulannya, kajian ini membina rangka kerja teoritikal yang menunjukkan dimensi kepuasan kerja (intrinsik dan ekstrinsik) dan dimensi prestasi kerja (tugasan dan kontekstual). Kajian ini juga memberi tumpuan kepada enam dimensi stres kerja (faktor intrinsik, pembangunan kerjaya, peranan pengurusan, faktor organisasi, hubungan kerja dengan orang lain dan antara kerja rumah). Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan pembolehubah tidak bersandar stres kerja terhadap pembolehubah bersandar kepuasan kerja dan prestasi kerja. Daripada hubungan langsung ini, telah dicadangkan pembolehubah mediator Personaliti *Big Five* antara stres kerja dan kepuasan kerja dan prestasi kerja.

## 1.4 Persoalan Kajian

Anthony dan Nancy (2006) menegaskan bahawa persoalan kajian merupakan langkah-langkah penting dalam kajian kuantitatif, sebagai panduan dalam penyediaan satu rangka kerja, membantu pengkaji untuk memberi tumpuan kepada kajian dan mengekalkan kepada objektif yang telah ditentukan. Pembinaan persoalan kajian adalah berdasarkan kepada pernyataan masalah dan bagi menjawab soalan-soalan seperti berikut:

1. Adakah terdapat pengaruh dimensi stres kerja (faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, struktur atau iklim organisasi dan pengantara rumah-kerja) ke atas dimensi kepuasan kerja (intrinsik dan ekstrinsik) staf sokongan di UTM?
2. Adakah terdapat pengaruh dimensi stres kerja (faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, struktur atau iklim organisasi, pengantara rumah-kerja) ke atas dimensi prestasi kerja (tugasan dan kontekstual) staf sokongan di UTM?
3. Adakah terdapat pengaruh dimensi stres kerja (faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, struktur atau iklim organisasi, pengantara rumah-kerja) ke atas dimensi Personaliti *Big Five* (*openness to experience, conscientiousness, extraversion, agreeableness, dan neuroticism*) staf sokongan di UTM?
4. Adakah terdapat pengaruh dimensi Personaliti *Big Five* (*openness to experience, conscientiousness, extraversion, agreeableness, neuroticism*) ke atas dimensi kepuasan kerja (intrinsik dan ekstrinsik) staf sokongan di UTM?
5. Adakah terdapat pengaruh dimensi Personaliti *Big Five* (*openness to experience, conscientiousness, extraversion, agreeableness dan neuroticism*) ke atas dimensi prestasi kerja (tugasan dan kontekstual) staf sokongan di UTM?
6. Adakah terdapat pengaruh dimensi Personaliti *Big Five* (*openness to experience, conscientiousness, extraversion, agreeableness, neuroticism*) sebagai mediator antara dimensi stres kerja (faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan

pencapaian, struktur atau iklim organisasi, pengantara rumah-kerja) dan dimensi kepuasan kerja (intrinsik dan ekstrinsik) staf sokongan di UTM?

7. Adakah terdapat pengaruh dimensi Personaliti *Big Five* (*openness to experience, conscientiousness, extraversion, agreeableness* dan *neuroticism*) sebagai mediator antara dimensi stres kerja (faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, struktur atau iklim organisasi, pengantara rumah-kerja) dan dimensi prestasi kerja (tugasan dan kontekstual) staf sokongan di UTM?

## 1.5 Objektif Kajian

Anthony dan Nancy (2006) menyatakan bahawa objektif kajian secara khusus membantu pengkaji untuk menentukan tujuan kajian dalam bentuk penerokaan, penerangan, ramalan dan pengaruh. Oleh itu, objektif kajian adalah seperti berikut;

1. Mengenal pasti pengaruh dimensi stres kerja (faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, struktur atau iklim organisasi dan pengantara rumah-kerja) ke atas dimensi kepuasan kerja (intrinsik dan ekstrinsik) staf sokongan di UTM?
2. Mengenal pasti pengaruh dimensi stres kerja (faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, struktur atau iklim organisasi, pengantara rumah-kerja) ke atas dimensi prestasi kerja (tugasan dan kontekstual) staf sokongan di UTM?
3. Mengenal pasti pengaruh dimensi stres kerja (faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, struktur atau iklim organisasi, pengantara rumah-kerja) ke atas dimensi Personaliti *Big Five* (*openness to experience, conscientiousness, extraversion, agreeableness* dan *neuroticism*) staf sokongan di UTM?
4. Mengenal pasti pengaruh dimensi Personaliti *Big Five* (*openness to experience, conscientiousness, extraversion, agreeableness, neuroticism*) ke atas dimensi kepuasan kerja (intrinsik dan ekstrinsik) staf sokongan di UTM?

5. Mengenal pasti pengaruh dimensi Personaliti *Big Five* (*openness to experience, conscientiousness, extraversion, agreeableness* dan *neuroticism*) ke atas dimensi prestasi kerja (tugasan dan kontekstual) staf sokongan di UTM?
6. Menentukan pengaruh dimensi Personaliti *Big Five* (*openness to experience, conscientiousness, extraversion, agreeableness, neuroticism*) sebagai mediator antara dimensi stres kerja (faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, struktur atau iklim organisasi, pengantara rumah-kerja) dan dimensi kepuasan kerja (intrinsik dan ekstrinsik) staf sokongan di UTM?
7. Menentukan pengaruh dimensi Personaliti *Big Five* (*openness to experience, conscientiousness, extraversion, agreeableness* dan *neuroticism*) sebagai mediator antara dimensi stres kerja (faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, struktur atau iklim organisasi, pengantara rumah-kerja) dan dimensi prestasi kerja (tugasan dan kontekstual) staf sokongan di UTM?

## **1.6 Signifikan Kajian**

Kajian ini memberikan pelbagai sumbangan penting dan menambah pengetahuan mengenai kepuasan kerja, prestasi kerja, pengurusan, metodologi dan pelaksanaan praktikalnya kepada staf sokongan di UTM. Pertama, kajian ini telah mengkaji kesan langsung stres kerja dengan kepuasan kerja dan prestasi kerja yang disokong oleh Teori Pertukaran Sosial (Blau, 1964). Teori Pertukaran Sosial mencadangkan bahawa proses pertukaran antara organisasi dan pekerja bukan sahaja melibatkan pertukaran ganjaran kewangan, tetapi juga melibatkan sokongan sosial terhadap pekerja termasuk ciri-ciri positif individu. Kajian ini telah memberikan sumbangan praktikal untuk organisasi dengan menyediakan maklumat tentang kepentingan kepuasan kerja dan prestasi kerja dalam kalangan staf sokongan di UTM. Maklumat tersebut boleh membantu UTM untuk mereka bentuk program atau latihan yang berkesan bagi meningkatkan kesedaran staf sokongan terhadap kepentingan kepuasan kerja dan prestasi kerja dan seterusnya bersedia untuk

menyumbang tenaga dalam persekitaran kerja mereka. Sebagai contoh, staf sokongan akan menjadi lebih komited untuk bekerja lebih masa sebagai sumbangan luar untuk memenuhi matlamat universiti.

Kedua, kajian ini memberikan penemuan empirikal berkaitan dengan pengaruh faktor stres kerja dalam meningkatkan kepuasan kerja dan prestasi kerja di tempat kerja. Sebelum ini, kebanyakan kajian telah membuktikan hubungan ini tetapi tidak memfokuskan kepada faktor-faktor dimensi stres kerja dalam tingkah laku kerja yang boleh menambahbaik strategi, kaedah motivasi untuk meningkatkan kepuasan kerja dan prestasi kerja (Anh *et al*, 2003; Einar *et al*, 2014). Oleh itu, kajian ini secara khusus telah menyumbang kepada pengetahuan semasa dengan membincangkan faktor stres kerja yang mempengaruhi dimensi kepuasan kerja dan prestasi kerja di UTM.

Ketiga, penemuan kajian ini menyumbang kepada literatur mengenai Personaliti *Big Five* sebagai pembolehubah mediator antara stres kerja dengan kepuasan kerja dan prestasi kerja yang masih memerlukan penerokaan lanjut. Pembolehubah mediator Personaliti *Big Five* dalam kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan spesifik antara pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar (Baron & Kenny, 1986) dan membantu memberikan penjelasan khusus tentang kesan tidak langsung hubungan antara pembolehubah-pembolehubah tersebut. Maklumat yang diperoleh daripada kajian ini telah menyumbang kepada peningkatan ilmu pengetahuan dan perkembangan teoritikal dengan menyediakan model bersepadu mengenai peranan mediator iaitu dimensi Personaliti *Big Five* untuk rujukan pada masa hadapan. Penemuan kajian ini juga menyediakan mekanisme ujian personaliti bagi pengambilan staf sokongan yang baru melalui peranan mediator Personaliti *Big Five*. Mekanisme ini diharapkan boleh membantu pihak UTM mengetahui kepentingan personaliti dalam meningkatkan kepuasan kerja dan prestasi kerja.

Sebagai kesimpulan, aspek teoretikal dan praktikal ini sangat penting dan dapat memberikan wawasan dan sumbangan kepada organisasi kerana kepuasan kerja dan prestasi kerja boleh membawa kepada peningkatan pencapaian organisasi

(Ren-Tao, 2011). Dari segi konteks, kajian ini membuktikan pemahaman mengenai kepuasan kerja dan prestasi kerja yang timbul daripada pengaruh Personaliti *Big Five* di tempat kerja sebagai pembolehubah mediator dalam hubungan antara stres kerja dan kepuasan kerja di UTM. Penemuan kajian ini boleh membantu pihak pengurusan UTM untuk meningkatkan kepuasan dan prestasi kerja dengan memenuhi keperluan dan keinginan pekerja dalam pekerjaan mereka. Hasil kajian juga akan menyumbang kepada peningkatan dan keberkesanan pengurusan UTM untuk menambahbaik amalan pengurusan dalam menyediakan satu rangka kerja, strategi atau kaedah yang efektif, mencipta sesuatu dasar baru yang boleh menggalakkan dan memberikan tumpuan kepada faktor-faktor yang meningkatkan kepuasan kerja dan prestasi kerja di masa hadapan. Di samping itu, hasil kajian ini dapat membantu UTM untuk mengariskan langkah-langkah selanjutnya dalam melaksanakan program pembangunan diri dan membuat penilaian dari semasa ke semasa terhadap tingkah laku kerja seseorang pekerja (Shannon *et al*, 2013).

## **1.7 Skop Kajian**

Terdapat beberapa batasan isu dalam skop kajian ini. Pertama, kajian ini lebih memberi tumpuan terhadap pengaruh stres kerja sebagai pembolehubah tidak bersandar dalam meningkatkan kepuasan kerja dan prestasi kerja staf sokongan di UTM. Kajian lepas telah membuktikan bahawa stres kerja mempunyai pengaruh yang kuat dengan kepuasan kerja dan prestasi kerja dalam organisasi (Alessia & Fred, 2003; Thomas *et al*, 2013; Siu *et al*, 2013; Hattice & Selma, 2011; Aoife, 2013). Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada dimensi stres kerja yang terdiri daripada faktor intrinsik kepada pekerjaan, peranan pengurusan, hubungan kerja dengan orang lain, kerjaya dan pencapaian, struktur atau iklim organisasi dan pengantara rumah-kerja ke atas kepuasan dan prestasi kerja di mana soal selidik disesuaikan daripada Palmer *et al*, (2001).

Kedua, kajian ini melibatkan tiga jenis pembolehubah yang merupakan pembolehubah tidak bersandar, pembolehubah bersandar dan pembolehubah



